

**AYAT MULTICULTURAL DALAM AL-QURAN: PENYELESAIAN  
KRISIS KEMANUSIAAN MENGIKUTI PERSPEKTIF HAMKA DAN  
M. QURAISH SHIHAB<sup>◊</sup>**

*(Multicultural Verse in Al-Qur'an: Solution of Humanitarian Crisis  
Following the Perspective of Hamka and M. Quraish Shihab)*

Muhamad Mukhlis Yunus<sup>1</sup>, M.Y. Zulkifli Hj Mohd Yusoff<sup>2</sup>

**ABSTRACT**

The Qur'anic verses pertaining to multiculturalism provide guidance to humanity in addressing the challenges posed by conflicts stemming from a lack of understanding among society about the existence of cultural variety within the state and society. Naturally, every battle will lead to humanitarian crises like persecution, homicide, and so forth. The Muslims have learned how to handle conflicts from the teachings of the Quran, which is their source. As a result, it is crucial to include them in the grand scheme of human existence in order to achieve harmony and well-being amongst people from various cultural backgrounds in society. Many academics offer different equations and standards to accomplish this, such as HAMKA's and M. Quraish Shihab's explanations. Therefore, this paper aims to find out the comments of two prominent commentators through their two books of interpretation, namely al-Azhar and al-Misbah, as well as some sources related to both of them about the multicultural verses that contain the universal teachings of the Qur'an about humanity, explaining about A multicultural society that wants human life in a state of peace, peace and prosperity and explains cultural differences which is the will of the Creator which is not meant to divide people, but so that people can live side by side and respect each other. This paper uses qualitative methods

<sup>◊</sup> This article was submitted on: 17/11/2023 and accepted for publication on: 27/12/2023.

<sup>1</sup> Pelajar (PhD), Jabatan Al-Quran & Al\_ahdith, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya. Juga sebagai Timbalan Ketua, Centre of Quranic Research, Universiti Malaya.

Emel: abumustaqim@gmail.com

<sup>2</sup> Profesor, Jabatan Al-Quran & Al\_ahdith, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya. Juga sebagai Timbalan Ketua, Centre of Quranic Research, Universiti Malaya.

Emel: zulkifliy@um.edu.my

and library research as data collection methods. Based on the explanation of the sentences with multicultural nuances done by the two figures, it was found that both of them have different approaches in achieving the goals contained in the multicultural sentences. HAMKA uses the approach of religious unity, while M. Quraish Shihab uses the approach of religious moderation.

**Keywords:** *Multicultural Poetry, Humanitarian Crisis, HAMKA And M. Quraish Shihab*

## ABSTRAK

Ayat *multicultural* dalam al-Quran adalah ayat-ayat al-Quran yang menawarkan solusi kepada umat manusia dalam menghadapi berbagai konflik akibat dari berkurangnya kesedaran masyarakat terhadap hakikat keberagaman budaya yang ada dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Sudah tentu setiap konflik akan mengakibatkan krisis kemanusiaan seperti perpecahan, penganiayaan, pembunuhan dan sebagainya. Ajaran al-Quran yang menjadi sumber umat Islam telah mengajarkan mereka cara menyelesaikan konflik tersebut. Justeru sangat penting untuk melibatkan mereka dalam agenda besar kehidupan manusia bagi terwujudnya persatuan dan kesejahteraan hidup antara anggota masyarakat yang memiliki latarbelakang budaya yang pelbagai. Ramai cendekiawan mengemukakan pelbagai formula dan nilai untuk mencapai matlamat ini, antaranya penjelasan HAMKA dan M. Quraish Shihab. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengetahui ulasan dua mufassir terkemuka melalui dua kitab tafsir mereka iaitu al-Azhar dan al-Misbah serta beberapa sumber berkaitan kedua-duanya tentang ayat-ayat *multicultural* yang mengandungi ajaran al-Quran yang universal tentang kemanusiaan, menjelaskan tentang masyarakat kepelbagaian budaya (*multicultural*) yang menghendaki kehidupan manusia dalam keadaan aman, damai dan sejahtera serta menjelaskan perbezaan budaya yang merupakan kehendak Pencipta yang tidak dimaksudkan untuk berpecah belah, melainkan agar manusia dapat hidup berdampingan dan menghormati satu sama lain. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian perpustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Berdasarkan penjelasan ayat-ayat yang bernuansa *multicultural* yang dilakukan oleh kedua-dua tokoh tersebut didapati bahawa kedua-dua mereka mempunyai pendekatan yang berbeza dalam mencapai matlamat

yang terkandung dalam ayat-ayat *multicultural*. HAMKA menggunakan pendekatan perpaduan agama, manakala M. Quraish Shihab menggunakan pendekatan moderasi beragama.

**Kata kunci:** Ayat Kepelbagai Budaya, krisis kemanusiaan, HAMKA dan M. Quraish Shihab

## 1.0 PENDAHULUAN

*Salihun likulli zaman wa makan* adalah sifat al-Quran itu sendiri dan ia merupakan buku induk yang mesejnya tidak akan lapuk akibat perubahan kandungannya dan sentiasa memberi inspirasi kepada kehidupan yang lebih baik.

Sebagai kitab suci yang merangkumi semua aspek norma dalam kehidupan manusia, al-Quran dalam doktrin Islam dijadikan pusat rujukan dalam pelbagai isu. Sekurang-kurangnya mesej-mesej moral yang terkandung di dalamnya boleh dijadikan rujukan dan hujah dalam mencari penyelesaian kepada masalah kemanusiaan yang menimbulkan krisis kemanusiaan<sup>3</sup> yang berpunca daripada konflik yang latar belakangnya adalah politik, ekonomi, sosial,<sup>4</sup> budaya, isu ketidakadilan dan pencabulan cara hidup beragama.

Agak membimbangkan, akhir-akhir ini fenomena keganasan dan terorisme yang mengakibatkan krisis kemanusiaan sering bertindak atas nama agama atau sekurang-kurangnya menggunakan legitimasi agama, walaupun latar belakangnya hanyalah isu politik ataupu berkaitan dengan isu lainnya.<sup>5</sup> Lebih dari itu, sanggup menggunakan atas nama Tuhan untuk melanggar hak asasi manusia, demokrasi, dan menumpahkan darah ribuan rakyat seperti yang berlaku di Iraq, Afghanistan, Palestin, Rohingya dan lain-lain. Contohnya pernyataan yang dilontarkan oleh George W. Bush:

"I'm driven with a mission from God. God would tell me,  
"George, go and fight those terrorists in Afghanistan." And I  
did, and then God would tell me, "George, go and end the  
tyranny in Iraq ..." And I did. And now again, I feel God's

<sup>3</sup> Mohamad Barmawi (2017), 'Tafsir Resolusi Konflik: Analisis Tematik Formula Resolusi Konflik Dalam Al-Quran', *Cita Ilmu* 8(26), p. 109–19.

<sup>4</sup> Aunur Rofiq (2011), *Tafsir Resolusi Konflik*, 1st ed., Malang: UIN-MALIKI PRESS, Anggota IKAPI, (2), p. 31.

<sup>5</sup> Ibid.

words coming to me, "Go get the Palestinians their state and get the Israelis their security and get peace in the Middle East." And by God I'm gonna do it.<sup>6</sup>

Perkara sebegini perlu dihentikan kerana manusia adalah makhluk individu sekaligus sebagai makhluk sosial yang dituntut untuk berinteraksi dengan individu, masyarakat, bangsa dan negara lain dalam rangka memenuhi keperluannya. Terutamanya dalam masyarakat yang memiliki kepelbagaiannya budaya atau disebut juga dengan masyarakat *multicultural* seperti masyarakat Indonesia.

Masyarakat *multicultural* Indonesia terbentuk akibat dari kondisi sosio-kultural mahupun geografis yang beragam dan luas. Masyarakat *multicultural* Indonesia adalah sebuah masyarakat berdasarkan ideologi Bhinneka Tunggal Ika iaitu berbeza-beza tapi tetap satu juga. Ia yang melandasi corak struktur masyarakat Indonesia pada tingkat nasional dan lokal.<sup>7</sup> Namun begitu konflik tetap bermunculan susah untuk diatasi. Contohnya tahun 1992 terjadi konflik antara kaum muslimin dan non muslim di Jakarta, Tragedi Aceh (1999), Ambon (1999), Maluku (1998-2000), Poso (2000), Sampit (2001), Papua (2001-2019).<sup>8</sup>

Dalam menyelesaikan konflik di antara penganut agama, ramai sarjana Muslim Indonesia khususnya berusaha untuk mengemukakan pemikiran di antaranya adalah sentiasa membumikkan teks al-Quran dengan problem sosial kemanusiaan yang sifatnya tidak terbatas.<sup>9</sup> Antara tokoh yang dapat dijadikan sumber pemikiran dalam menyelesaikan konflik antara penganut agama adalah HAMKA dan M. Quraish Shihab. Pemikiran keduanya dapat diterokai melalui buku tafsir yang ditulis oleh keduanya iaitu *Tafsir al-Azhar* karya HAMKA dan

<sup>6</sup> Aunur Rofiq, *Tafsir Resolusi Konflik*. Pernyataan tersebut diceritakan kembali oleh Nabil Shaath, ketika itu ia sebagai Menteri luar Negeri Palestina dalam interview dengan radio BBC). Lihat dalam interview Nabil Shaath dengan BBCLondon:06.10.2005http://www.bbc.co.uk/pressoffice/pressreleases/stories/2005/10/october/06/bush. shtml.24/3/2007. Ibid.

<sup>7</sup> Fathullah Syahrul (2020), 'Potret Kekuatan Multikulturalisme Dalam Institusi Politik', *Journal Publicuho* (3), p. 21-37.

<sup>8</sup> Khairiah (2020), 'Multikulturalisme Dalam Politik', *AL-IMARAH: Jurnal Pemerintahan Dan Politik Islam* 5(2), 169-182.

<sup>9</sup> Abdul Mustaqim (2011), *Epistemologi Tafsir Kontemporer*, (Yogyakarta: LkiS Group), p. 1.

Tafsir al-Misbah karya M. Quraish Shihab. Kedua-dua tafsir ini dapat dijadikan sumber rujukan dalam menyelesaikan konflik disebabkan corak *al-Adabī al-Ijtīmā'i (socio-cultural)* iaitu sebuah corak pentafsiran yang mengetengahkan jawapan-jawapan bagi permasalahan yang berkaitan dengan kemanusiaan dan masyarakat *multicultural*. Walaupun corak pentafsiran keduanya adalah sama, namun pola, teori atau pendekatan yang digunakan oleh keduanya dalam menghadapi isu kemanusiaan dan isu yang berlaku dalam masyarakat *multicultural* adalah berbeza.

## 2.0 BIOGRAFI HAMKA DAN M. QURAISH SHIHAB

Perkara	HAMKA	M. Quraish Shihab
Nama	Haji Malik Karim Amrullah	M. Quraish Shihab
Tempat/Tarikh lahir	Ahad 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharram 1324 H kampung Molek, Sungai Batang, pinggir Tasik Maninjau, Sumatera Barat. <sup>10</sup>	16 Febuari 1944M di Kabupaten Sindenreng Rappang (sindrap), <sup>11</sup> provinsi Sulawesi Selatan dari kota Ujung Pandang. <sup>12</sup>
Ayah	Haji Rasul merupakan tokoh islah yang terkenal di Minangkabau yang menimba ilmu di Mekah selama tujuh tahun.	Abdurrahman Shihab merupakan seorang ulama dan sekaligus guru besar tafsir di IAIN Alauddin, Ujung Pandang
Pendidikan	HAMKA tidak tamat sekolah. <sup>13</sup> Pernah bersekolah di sekolah yang	Bersekolah secara formal dari peringkat rendah hingga ke peringkat

<sup>10</sup> Abdullah, “Pemikiran Dan Perjuangan Dakwah HAMKA Dan M. Natsir: Kajian Terhadap Dakwah Kultural Dan Struktural.” (Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia, 2011), p. 71.

<sup>11</sup> Ibukota kabupaten ini adalah Pangkajene berjarak lebih 183 km dari Kota Makassar, Ibukota Provinsi Sulawesi Selatan, luas wilayahnya mencapai 1. 883,25 km2, dengan 11 kecamatan, 38 kelurahan, dan 65 desa. Afrizal Nur (2013), ‘Kajian Analitikal Terhadap Pengaruh Negatif Dalam Tafsir Al-Mishbah’ (Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 37.

<sup>12</sup> Atik Wartini (2014), ‘Corak Penafsiran M. Quraish Shihab Dalam Tafsir Al-Misbah’, *Hunafa: Jurnal Studia Islamika* 2(1), p. 110–126.

<sup>13</sup> Asep Hilmi (2018), ‘Konsep Hidup Sejahtera Perspektif Al-Qur'an (Studi Komparatif Penafsiran M. Quraish Shihab Dan Hamka)’ (Tesis Master, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah), p. 27.

	<p>didirikan oleh ayahnya, sekolah Thawalib school ketika berumur 10 tahun, sekolah agama yang didirikan Zainudin Lanay al-Yanusi di Pasar Usang, Padang Panjang dan belajar pada waktu malam di surau Jembatan Besi yang menyediakan pendidikan agama secara tradisional.<sup>14</sup></p> <p>Belajar sendiri dengan banyak membaca buku di perpustakaan seperti perpustakaan Zainurul milik gurunya Zainuddin dan perpustakaan ST sinaro.<sup>15</sup> Di kedua perpustakaan tersebut HAMKA cenderung untuk membaca buku-buku sastera dan antara bahan bacaannya seperti Volslectuur,<sup>16</sup> buku-buku salinan Tioghoa Melayu, Tiga Panglima Perang, Graaf De Monte Cristo, surat khabar Bintang</p>	<p>Universiti. Belajar di Sekolah Menengah Agama di Malang di Pesantren Dar Al-Hadits Al-Fiqhiyah setelah tamat dari sekolah rendah. Seterusnya pada umur 14 tahun, melanjutkan ke Mesir, dari peringkat thanawiyah hingga bergelar Doktor di Universiti al-Azhar. 1967 menyelesaikan sarjana dalam bidang tafsir di Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar.</p> <p>Tahun 1969 berhasil meraih gelar MA (<i>Master of Art</i>), melalui tesis yang bertajuk “<i>al-I'jaz al-Tasyri'iyy li al-Quran al-Karim</i>.<sup>25</sup> Tahun 1980-1882 berhasil meraih gelaran Doktor Falsafah dalam bidang ilmu-ilmu dengan predikat cemerlang <i>Summa cum Laude</i> (<i>Mumtaz ma'a martabat al-syarat al-'ula</i>) dengan tajuk</p>
--	--	--

<sup>14</sup> Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2005), *HAMKA Ulama' Nusantara, Dewan Agama Dan Falsafah* (Kuala Lumpur: Kumpulan Kraftangan Sdn Bhd), p. 20.

<sup>15</sup> Muhammad Yusry Affandi (2019), *HAMKA: Permata Tafsir Bumi Nusantara*, 1st ed. (Kuala Lumpur: BS PRINT (M) SDN. BHD), p. 3.

<sup>16</sup> Bacaan rakyat, terbitan Pejabat Voor Volkslectuur, didirikan 22-9-1917, di Batavia kemudian dinamakan Balai Pustaka. Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2021), ‘Faktor Persekitaran Sosial Dalam Pembentukan Jati Diri HAMKA (1908-1981) Autobiografi Kenang-Kenangan Hidup (1951)’, al-HIKMAH 13(1): 72-96.

<sup>25</sup> Muhd Najib Abdul Kadir & Mazlan Ibrahim (2009), Studi Kritis Tafsir al-Misbah, (Selagor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia), p. 3.

	<p>Hindu memuatkan karangan Dr. A. Rivai di Eropah.<sup>17</sup></p> <p>Beliau juga suka kepada seni dan kerana minatnya tersebut sering mengunjungi perguruan pancak silat, mendengar senandung dan kisah-kisah rakyat yang dinyanyikan dengan memakai alat muzik tradisional<sup>18</sup> terutamanya mendengar kaba yang disampaikan dalam majlis hiburan kampung.<sup>19</sup></p> <p>Pada umur 16 tahun, belajar secara talaqqi Di Yogyakatra tentang pergerakan Islam dan tafsir dengan Ki Bagus Hadikusumo dan Haji Fakhruddin,<sup>20</sup> Sosialisme dan Islam dengan HOS Cokroaminoto dan R.M. Suryopranoto yang</p>	<p>tesisnya: “<i>Nazham al-Durar li al-Baqā’i: “Tahqiq wa Dirasah”</i></p> <p>Manakala, pandangan-pandangannya tentang hidup dan cara beragama Syeikh Abd al-Halim Mahmud<sup>26</sup> yang digelar dengan ‘Imam al-Ghazali abad 17H juga telah mempengaruhi pemikiran beliau.<sup>27</sup></p>
--	---	---

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Abdullah, “Pemikiran Dan Perjuangan Dakwah HAMKA Dan M. Natsir: Kajian Terhadap Dakwah Kultural Dan Struktural” p. 74.

<sup>19</sup> Rushdi HAMKA (2008), *HAMKA: Keperibadian, Sejarah Dan Perjuangannya*, ed. Sidek Baba (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa da Pustaka), p. 3-4.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Beliau adalah penyarah di Fakulti Usuludin Universiti al-Azhar. Dilantik menjadi Dekan fakulti pada tahun 1964. Meraih gelaran PhD dari Sorbon University di Perancis. Dilantik menjadi Ima al-Akbar, Syeikh al-Azhar iaitu Pemimpin Tertinggi Lembaga-lembaga al-Azhar Mesir dari 1970-1978M). M. Quraish Shihab, Ibid.

<sup>27</sup> M. Quraish Shihab (2007), Logika Agama; Kedudukan Wahyu & Batas-Batas Akal Dalam Agama, p. 23-24.

	<p>mengajar ilmu Sosiologi<sup>21</sup> dan belajar menulis dalam majalah Pembela Islam dengan memimpin Masyumi seperti Ahmad Hassan dan Mohammad Natsir.<sup>22</sup> Di Pekalongan, beliau mendalami ilmu agama di rumah saudaranya A.R. Sutan Mansur.</p> <p>Belajar di Mekah selama lebih kurang satu tahun lebih tentang bahasa Arab dengan Syeikh Muhammad Hasbullah (1914M), Syeikh Ahmad khatib (1916M) dan Syeikh Tahir Jalaluddin (1956M)<sup>23</sup> dan Sheykh Ahmad Khatib al-Minangkabaui.<sup>24</sup></p>	
Sumbangan	<p>MUI (Majelis Ulama Indonesia). Selama 5 tahun, bermula dari 1975M-1980M, beliau menjawat jawatan tersebut namun meletak jawatan.</p> <p>Pimpinan Muhammadiyah sebagai utusan ke Makassar (1932 M)</p>	<p>M. Quraish Shihab menjadi pensyarah, pembantu Rektor IAIN Ujung Pandang, Rektor IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta (1992-1998), anggota MPR-RI 1982-1987 dan 1987- 2002 dan pada tahun 1998, beliau</p>

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> “HAMKA - Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas,” dicapai November 10, 2021, <https://ms.wikipedia.org/wiki/HAMKA>.

<sup>23</sup> Muhammad Yusry Affandi, HAMKA: Permata Tafsir Bumi Nusantara, 4.

<sup>24</sup> HAMKA (2009), *Kenang-Kenangan Hidup*, Shah Alam: Pustaka Dini, p. 29.

	<p>Dilantik sebagai anggota tetap Majelis Konsul Muhammadiyah Sumatera Tengah (1934M).</p> <p>HAMKA dilantik sebagai pengelola Yayasan Pesantren Islam yang didirikan oleh Menteri Sosial Dr. Syamsudin. (1951-1952 M)</p> <p>1955-1957 M HAMKA terpilih menjadi anggota Konstituante Republik Indonesia.</p> <p>1960-1969 M HAMKA dilantik sebagai Pengurus Pusat Muhammadiyah dan menjadi perwakilan bersama K. H. Muhammad Ilyas dan Anggota Dewan Pertimbangan Agung iaitu Anwar Tjokromaminoto dalam KKT Islam di Rabat, Maroko yang bertarikh 23-25 September 1969.</p>	dipercaya menjadi Menteri Agama RI. <sup>28</sup>
Karya	<p>Falsafah: 'Falsafah Hidup,' 'Falsafah Islam. kemanusiaan: Hak Asasi Manusia dalam Islam &amp; Deklarasi PBB dan Keadilan sosial dalam Islam. Sastera: 'Di bawah Lindungan Kaabah', 'Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk' (1939). Sosial dan kemasyarakatan seperti 'Pandangan Hidup Muslim. Wanita:</p>	<p>Falsafah: Logika agama. Kemanusiaan: Islam &amp; Kebangsaan: Tauhid, Kemanusiaan dan kewarganegaraan. Satera: Yang Jenaka dari Quraish Shihab. Sirah/Sepah: Membaca Sirah Nabi Muhammad SAW. Dalam Sorotan al-Quran dan Hadis-hadis Sahih. Politik: Al-Ma'idah 51: Satu</p>

<sup>28</sup> M. Quraish Shihab (1994), Membumikan al-Qur'an, Bandung: Mizan, p. 8.

	Kedudukan Perempuan Dalam Islam. Aspek Autografi: Ayahku. Sejarah: Sejarah Umat Islam. Politik: Negara Islam, demokrasi. Tafsir: al-Azhar	Firman Penafsiran. Beragam
		Tafsir Tematik: Wawasan al-Quran, Jilbab pakaian Muslimah. Tafsir Tahlili: Mahkota Tuntutan Ilahi: Tafsir surah al-Fatihah dan Tafsir al-Misbah. Tafsir Ijmali (global): Al-Lubab: Makna, Tujuan dan Pelajaran dari Surah-surah al-Quran.

Jadual di atas menjelaskan perbezaan kaedah pembelajaran kedua tokoh yang mana HAMKA banyak belajar secara *talaqqi* dalam pelbagai disiplin ilmu manakala M. Quraish Shihab belajar secara formal dan ilmunya lebih terarah kepada bidang tafsir dan ilmu al-Quran. Latar belakang kaedah pembelajaran dan pengetahuan kedua-dua tokoh tersebut telah banyak mempengaruhi corak, pemikiran dan pola dalam penulisan kedua-dua karya mereka. Karya-karya HAMKA terdiri daripada pelbagai aspek umum sejarah, kesusastraan, politik, sosial dan kemasyarakatan, falsafah dan secara umum dibincangkan berkaitan dengan objektifnya. Ini berbeza dengan karya-karya karangan M. Quraish Shihab yang juga menyentuh pelbagai aspek tetapi pembahasannya cenderung mengarah kepada al-Quran. Di bawah adalah gambar yang berkaitan dengan contoh beberapa karya mereka, iaitu:

Contoh karya yang ditulis oleh keduanya dapat dilihat pada ambar rajah di bahawa ini:

Rajah 1: Karya-karya HAMKA dan M. Quraish Shihab



Rajah di atas menunjukkan bahawa penulisan karya kedua-dua tokoh adalah sama dari aspek pelbagai disiplin ilmu tetapi berbeza dari aspek kecenderungan di mana HAMKA bersifat umum dan M. Quraish Shihab bersifat khusus. Keistimewaananya dilihat dalam bidang tafsir dan ilmu al-Quran. Dengan demikian, HAMKA luas dari segi pengetahuan umumnya, sedangkan M. Qurish Shihab luas kekhususannya dalam bidang tafsir dan ilmu Al-Quran. Ciri inilah yang mewarnai buku tafsir yang ditulis oleh keduanya.

Keluasan ilmu yang dimiliki oleh HAMKA dan M. Quraish Shihab menjadikan keduanya bersedia untuk berkhidmat sebagai sumbangan keilmuan kepada masyarakat. Berkenaan dengan sumbangan keilmuan, kedua-dua tokoh pernah menjadi ketua MUI (Majelis Ulama Indonesia). Selama 5 tahun, bermula dari 1975M-1980M, HAMKA menjawat jawatan tersebut kemudian meletak jawatan kerana wujud pertentangan antara Fatwa MUI dan Menteri Agama Indonesia tentang keharaman Natal Bersama.<sup>29</sup> Manakala M. Quraish Shihab menjabat sebagai Ketua MUI (Majelis Ulama Indonesia Pusat) dari tahun 1985-1998. Walaupun begitu, pemikiran kedua-duanya berbeza, lafazasuk berkaitan

<sup>29</sup> Panji Masyarakat (Panjimas) (2021), Perjalanan Terakhir Buya Hamka: Sebuah Biografi Kematian, Selangor: JT BOOKS PLT, p. 38.

dengan isu mengucapkan Selamat Hari Krismas. HAMKA tidak membenarkannya, manakala M. Quraish Shihab pula sebaliknya.

Perbezaan yang ketara di antara keduanya, di mana HAMKA lebih banyak bergerak melalui organisasi Muhammadiyyah manakala M. Quraish Shihab tidak cenderung kepada mana-mana organisasi tetapi bergerak lebih banyak melalui pendidikan formal pemerintahan. Jawatan terakhir HAMKA sebagai Pengurus Pusat Muhammadiyyah. Adapun M. Quraish Shihab menjadi pensyarah, pembantu Rektor IAIN Ujung Pandang, Rektor IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta (1992-1998), anggota MPR-RI 1982-1987 dan 1987-2002 dan pada tahun 1998, beliau dipercaya menjadi Menteri Agama RI.<sup>30</sup>

### 3.0 KONSEP MULTICULTURAL

Konsep yang menggambarkan masyarakat yang memiliki kepelbagaian sama ada agama, ras, budaya, bahasa disebutkan dengan beberapa istilah seperti *plurality*, *diversity* dan *multicultural*. Walaupun begitu terdapat sisi perbezaan ketiga-tiga istilah ini di mana plural (*plurality*) menggambarkan wujudnya perkara lebih dari satu (*many*)". *Diversity* (keragaman) pula menunjukkan bahawa kewujudan perkara yang lebih dari satu itu mempunyai perbezaan, bersifat heterogen yang tidak mungkin untuk disamakan.<sup>31</sup> *Multicultural* (kepelbagaian budaya) memberikan penegasan bahawa dengan segala perbezaan itu mereka adalah sama di dalam ruang awam sehingga diperlukan kesediaan menerima kelompok lain secara sama sebagai satu kesatuan, tanpa melihat perbezaan budaya, etnik, gender, bahasa maupun agama.<sup>32</sup>

Watson menyatakan bahawa kepelbagaian budaya merupakan idea rujukan kepada masyarakat majmuk bagi mewujudkan bukan sahaja perasaan perbezaan tetapi juga untuk mengenali perbezaan itu sebagai faktor keterikatan.

<sup>30</sup> M. Quraish Shihab (1994), *Membumikan al-Qur'an*, Bandung: Mizan, p. 8.

<sup>31</sup> Kepelbagian budaya adalah kualiti budaya yang berbeza, berbanding dengan monokultur. Istilah kepelbagaian budaya juga boleh merujuk kepada mempunyai budaya yang berbeza menghormati perbezaan antara satu sama lain. Lebih-lebih lagi, ia sering digunakan untuk menyebut ragam masyarakat atau budaya manusia di wilayah tertentu, atau di dunia secara keseluruhan. Ini merujuk kepada kemasukan perspektif budaya yang berbeza dalam organisasi atau masyarakat. 'Kepelbagaian Budaya', dicapai 2 Disember 2021, [https://wblog.wiki/ms/Cultural\\_diversity](https://wblog.wiki/ms/Cultural_diversity).

<sup>32</sup> Mahfudz Junaedi (t.t), "Multikulturalisme Dalam Perspektif al-Qur'an: Wacana Dan Tafsir Keindonesiaan," *International Seminar on Islamic Civilization*, p. 383–416.

Hal ini bagi membina kepentingan bersama secara universal terhadap budaya dan mengakui kesamaan semua budaya. Pengakuan menjadi asas penting untuk menangani dan mengurus perbezaan tersebut.<sup>33</sup> Oleh sebab itu, kata Taylor, apabila membicarakan tentang kepelbagaian budaya maka akan menyentuh tentang politik pengakuan<sup>34</sup> dan pengakuan ini menurut Will Kymlicka adalah pengakuan terhadap hak-hak minoriti.<sup>35</sup> Oleh itu, Hernandes mengatakan bahawa *multicultural* bertujuan untuk kerjasama, kesamaan darjat dan mengapresiasi dalam dunia yang kian kompleks dan dalam kepelbagaian budaya.<sup>36</sup>

Penjelasan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa terdapat tiga asas yang terkandung dalam *multicultural* iaitu: Pertama, kesamaan darjat dan martabat manusia dengan tidak mengira majoriti ataupun minoriti. Kedua, perbezaan budaya dalam sesebuah masyarakat adalah suatu kepastian. Ketiga, pengakuan terhadap perbezaan budaya oleh semua elemen sosial-budaya, lafazasuk juga negara. Ringkasnya, *multicultural* adalah idiologi dan gagasan terhadap kesamaan darjat dalam sebuah masyarakat yang memiliki kepelbagaian budaya dan diakui keberadaannya oleh sebuah negara.

#### 4.0 KRISIS KEMANUSIAAN DAN MASYARAKAT MULTIKULTURAL

Krisis kemanusiaan adalah keadaan di mana hak asasi manusia tidak dipenuhi seperti hak untuk hidup, hak untuk berasa selamat, dan hak untuk keadilan. Walaupun dunia telah memasuki abad ke-21, pelanggaran hak asasi manusia seperti keganasan, penganiayaan, dan ketidakmampuan seseorang untuk memenuhi hak asasnya tetap dan masih terus berlaku. Salah satu faktornya adalah *complex emergencies* iaitu berlakunya konflik seperti konflik di Suriah yang mengakibatkan banyak infrastruktur yang hancur dan masyarakatnya yang

<sup>33</sup> Malory Nye (2007), ‘The Challenges of Multiculturalism’, *Culture and Religion* 8(2), p. 109–123.

<sup>34</sup> Charles Taylor (2000), ‘The Politics of Recognition’, *Campus Wars: Multiculturalism And The Politics Of Difference*, p. 249–263. Rainer Bauböck (2000), ‘Cherishing Diversity and Promoting Political Community’, *Ethnicities* 1(1), p. 109–115.

<sup>35</sup> Will Kymlicka (1995), *Multicultural Citizenship: A Liberal Theory of Minority Rights*, Oxford: Clarendon Press, p. 107.

<sup>36</sup> Hernandez, Hilda (1989), *Multicultural Education: A Teacher Guide to Linking Context, Process, and Content*, New Jersey & Ohio: Prentice Hall. P. 371

menderita.<sup>37</sup> Perbezaan etnik, ras, budaya terutamanya agama, di samping pemerintah yang tidak mempunyai keinginan yang kuat untuk mengatasi konflik tersebut mengakibatkan berlakunya konflik. Padahal pemerintah wajib mengambil tindakan untuk menyelesaikan konflik sehingga dapat mencegah jatuhnya korban yang lebih banyak dan mencegah kerugian yang lebih besar.

Konflik sosial yang disebabkan oleh perbezaan identiti budaya, etnik terutamanya agama melahirkan teori *multicultural* dan masyarakat yang mempunyai kepelbagaian budaya disebut dengan masyarakat *multicultural*. C.W. Watson dalam bukunya *Multiculturalism* menyebutkan bahawa dinamakan masyarakat *multicultural* kerana terdiri dari kepelbagaian masyarakat negara, bangsa, daerah, bahkan lokasi geografi terbatas seperti kota atau sekolah dan dalam kepelbagaian tersebut semuanya berada dalam kesamaan darjah.<sup>38</sup> Bikhu Parekh mengatakan bahawa masyarakat *multicultural* adalah suatu masyarakat yang terdiri dari beberapa komuniti budaya dengan segala kelebihannya, tetapi berbeza konsep tentang mengenai dunia, sistem, nilai, bentuk organisasi sosial, sejarah adat serta kebiasaan.<sup>39</sup>

Masyarakat *multicultural* adalah masyarakat tidak bersifat tunggal yang memiliki ciri kepelbagaian di mana pola hubungan sosial antara individu di masyarakat bersifat toleran dan harus menerima kenyataan untuk hidup berdampingan secara damai (*peace co-existence*) satu nama lain dengan perbezaan yang melekat pada tiap etnik sosial dan politiknya.<sup>40</sup> Penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa masyarakat *multicultural* tidak hanya menggambarkan wujudnya perbezaan budaya, etnik, ras, politik mahupun agama tetapi terkandung nilai-nilai yang dapat membina keharmonian dan mengelakkan konflik seperti toleran, menghargai, mengakui kepelbagaian yang wujud serta kesetaraan. Nilai-nilai inilah yang dapat mengatasi krasis

<sup>37</sup> Nuryanti & Salsabila (2019), Strategi Kebijakan Pemerintah Venezuela di Tengah Krisis. Program Studi Hubungan Internasional, Universitas Muhammadiyah Malang. *Sospol: Jurnal Sosial Politik* 5(2), p. 237-248. Surya Dewi (2022), ‘Laporan Kajian Krisis Kemanusiaan Global Yang Semakin Berkembang’, ResearchGate, p. 1.

<sup>38</sup> C.W. Watson (2002), *Multiculturalism*, New Delhi: Viva Books Private Lmt.

<sup>39</sup> Bikhu Parekh (2002), *Rethinking Multiculturalism Cultural Diversity and Political Theory*, Cambridge Massachusetts: Harvard University Press, 2002, p. 4.

<sup>40</sup> Ifa Nurhayati & Lina Agustina (2020), ‘Masyarakat Multikultural: Konsepsi, Ciri Dan Faktor Pembentuknya’, *Akademika* 14(1), p. 17–26.

kemanusiaan seandainya dapat diaplikasikan dalam masyarakat yang *multicultural*.

## 5.0 ULASAN HAMKA DAN M. QURAISH SHIHAB TERHADAP AYAT-AYAT MULTICULTURAL DALAM AL-QURAN

Teologi gagasan multikultural telah wujud di dalam al-Quran dan asasnya adalah keuniversalan nilai sebagai petunjuk bagi manusia yang komprehensif<sup>41</sup> dan penerapan teks-teks ayat al-Quran yang membantu dalam menyelesaikan pelbagai persoalan kemanusiaan.<sup>42</sup> Antara nilai-nilai universal tersebut adalah keragaman dan kepelbagaian kehidupan manusia. Sebagai contohnya lafaz *Nas* (manusia) dalam bentuk plural, *Syu'ub* (bangsa) dan *Qaba`il* (suku) yang disebutkan dalam al-Quran merupakan indikator kepelbagaian yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan menjadi *sunnatullah* yang tidak akan pernah berubah. Kepelbagaian penciptaan Allah tersebut yang bertujuan untuk saling mengenal menjadi sentral dalam gagasan *multicultural*.

Al-Quran mempertegas hal tersebut melalui surah al-Hujurat ayat 13:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتُقْلِدُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ

Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Bagi HAMKA, ayat di atas menunjukkan kesetaraan dan kesatuan manusia di sebalik kepastian perbezaan suku dan bangsa kerana sifat manusia yang berasal dari satu keturunan iaitu daripada Adam dan Hawa, daripada lelaki

<sup>41</sup> Bustami Saladin (2020), ‘Reaktualisasi Corak Tafsir Adab Al-Ijtima’i Dalam Menjawab Realitas Sosial Kemasyarakatan Dan Perkembangan Zaman’, *Jurnal Sosial Politik Kajian Islam Dan Tafsir* 2(2), p. 301–326.

<sup>42</sup> Ilyas Daud (2020), ‘Sistem Sosial Al-Qur'an’, *IBN ABBAS Jurnal Ilmu Alquran Dan Tafsir* 2(2) p. 379–400.

dan perempuan. Kata kuncinya bagi beliau ada pada nilai taqwa. Nilai ini akan menghapus perasaan setengah manusia yang ingin menyatakan dirinya lebih dari yang lain, kerana keturunan, menganggap dia bangsa raja sedangkan orang lain bangsa hamba.<sup>43</sup> Melalui asas ini tidak lagi membangkitkan suku bangsa kepada bangsa yang lain dan suatu suku kepada suku yang lain. HAMKA mengatakan lagi bahawa hidup berbangsa-bangsa dan bersuku-suku selalu dapat menimbulkan permusuhan dan perperangan kerana orang telah lupa kepada nilai ketakwaan. Bukan sedikit semangat kebangsaan menimbulkan *asabiyyah jahiliyyah* dan bangga kerana mementingkan bangsa sendiri.<sup>44</sup>

Berbeza dengan M. Quraish Shihab yang telah menjadikan ayat di atas sebagai asas pembinaan hubungan antara manusia yang terdiri dari dua cara iaitu: Satu, melalui bahagian pertama ayat ini “Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan” Dua, melalui beberapa sebab penurunan ayat ini seperti keengganan Bani Bayadah untuk menuruti permintaan Rasulullah agar anak perempuan mereka dikahwinkan dengan Abu Hind yang merupakan bekas hamba mereka.<sup>45</sup>

Cara pertama menjelaskan tentang nilai universal melalui kata “manusia”. Bagi beliau kata ini menunjukkan kesamaan martabat manusia sama ada lelaki mahupun perempuan, antara satu kabilah dengan kabilah lain sehingga tidak wajar berbangga dan merasakan dirinya lebih tinggi dari orang lain. Semuanya adalah ciptaan Allah. Hal ini dikuatkan dengan cara kedua melalui sebab penurunan ayat di atas. Faktor utama yang menjadikan mereka itu berbeza dan mulia serta menjadi asas penilaian adalah nilai takwa.<sup>46</sup>

Selain itu, keuniversalan nilai yang dikandung dalam ayat-ayat *multicultural* ada pada lafaz *ummatur wahidah*. Lafaz *ummatur wahidah* disebut sembilan kali di dalam al-Quran. Tujuh ayat bercirikan surah *Makkiyyah* iaitu: Yunus (10): 19, al-Anbiya` (21): 92, al-Mu`minun (23): 52 Hud (11): 118, al-Nahl (16): 93, al-Syura (42): 8 dan al-Zukhruf (43): 33. Adapun dua ayat bercirikan surah *Madaniyyah*, al-Baqarah (2): 213 dan al-Ma`idah (5): 48.

<sup>43</sup> HAMKA (1987), *Tafsir Al-Azhar*, 26: 6836.

<sup>44</sup> Ibid.

<sup>45</sup> M. Quraish Shihab (2007), *Tafsir Al-Misbah*, 13: 260.

<sup>46</sup> Ibid, 13: 261.

Melalui ayat-ayat tersebut, HAMKA menjelaskan bahawa ajaran yang dibawa hanya satu sahaja pada asasnya iaitu menyeru manusia agar menyembah kepada Tuhan yang satu, maka dengan sendirinya mereka menjadi umat yang satu, kerana kalimat tauhid itu dengan sendirinya menunjukkan *tauhid kalimah* iaitu kata yang satu yang membawa kepada kesatuan kata.<sup>47</sup> Keuniversalan wahyu terkandung dalam umat yang satu, sebagaimana hakikat agama, inti agama dan isi seruan para rasul adalah satu, walaupun berbeza bahasa dan syariat. Kesatuan tersebut adalah pengakuan kepada Tuhan yang satu.<sup>48</sup> Namun begitu umat manusia sentiasa menimbulkan konflik dan perpecahan dan kata HAMKA ianya berlaku kerana faktor kebodohan, faham yang sempit, hendak menang sendiri, kesalahan berfikir kerana hanyalah melihat perkara yang *furu'*, memaksa orang untuk bertaklid, hasad dengki, mengikuti hawa nafsu dan berebut kepentingan.<sup>49</sup>

Menurut HAMKA lagi, ayat di atas juga menunjukkan perbezaan merupakan sunnatullah yang disebabkan oleh kurniaan akal. Yang paling penting menurut beliau adalah manusia itu muhu menerima perbezaan. Orang yang tidak muhu menerima perbezaan, hati dan jiwanya sempit kecuali bagi yang berilmu kerana dia melihat perbezaan tersebut merupakan rahmat dari Allah SWT.<sup>50</sup>

Ulasan M. Quraish Shihab terhadap ayat-ayat tersebut dilihat dari tujuan *ummatus wahidah*. Umat yang satu dalam tauhid lalu berselisih dan berbeza hakikatnya untuk menjaga kesatuan dan larangan untuk berpecah belah kerana tidak mungkin manusia itu berada dalam satu akidah. Pendapat beliau ini berlandaskan kepada penjelasan Ibn 'Asyur dan al-Tabataba'i. Ibn 'Asyur menyatakan Allah SWT tidak menghendaki manusia berada dalam satu golongan, sama ada semuanya mendapat petunjuk atau disesatkan. Begitu juga pendapat al-Tabataba'i yang dinukilkan oleh beliau di mana jika manusia itu semuanya dalam satu keyakinan, maka Allah tidak akan mengutus nabi dan tidak pula menurunkan wahyu.<sup>51</sup>

Perbezaan ini juga menunjukkan manusia merupakan makhluk sosial yang memiliki dua peranan iaitu sebagai hamba Allah SWT dan sebagai khalifah yang berperanan untuk menguruskan alam dan tidak dapat dilakukan tanpa

<sup>47</sup> HAMKA (1987), *Tafsir Al-Azhar*, 17: 4638.

<sup>48</sup> HAMKA (1987), *Tafsir Al-Azhar*, 18: 4800-4801.

<sup>49</sup> Ibid., 18: 4802

<sup>50</sup> HAMKA (1987), *Tafsir Al-Azhar*, 12: 3570.

<sup>51</sup> Ibid.

memerlukan orang lain.<sup>52</sup> Lagipun hakikat perbezaan ini memberi ruang untuk bebas membuat pilihan dan menggalakkan manusia berlumba dengan bersungguh-sungguh untuk melakukan kebajikan sehingga berlaku kreativiti dan peningkatan kualiti. Justeru tidak perlu menghabiskan waktu atau tenaga untuk memperdebatkan perbezaan dan perselisihan yang terjadi antara umat yang pada akhirnya semuanya kembali kepada Allah SWT.<sup>53</sup>

Antara nilai keuniversalan yang lain yang terdapat pada ayat-ayat *multicultural* adalah kesetaraan penerimaan kewujudan kepelbagaiannya agama dan cara beragama. Luc Reyhler dalam tulisannya mengungkapkan bahawa terdapat 24 kes peperangan antara penganut agama yang telah terjadi di dunia dari tahun 1948-1992 dan ianya terus akan berlaku.<sup>54</sup> Hal ini disebabkan masing-masing penganut agama membangun hujahnya melalui pendekatan “atas nama agama atau Tuhan”, maka yang akan terjadi ialah cara berfikir saling mendakwa “saya benar, mereka salah dan penderhana, dan oleh karena itu harus dihukum.”<sup>55</sup> Sikap ini yang perlu dielakkan agar konflik dan krisis kemanusiaan tidak terus terjadi dan solusinya melalui penerapan keuniversalan nilai yang telah disebutkan di dalam al-Quran seperti tidak ada paksaan dalam agama (Surah al-Baqarah (2): 256), tidak mencaci sembahana (Surah al-An'am (6): 108) dan tidak menghancurkan rumah ibadah. (Surah al-Hajj (22): 40).

Bagi HAMKA, pemaksaan adalah pencabulan terhadap akal dan seterusnya akan melahirkan taklid, sedangkan Islam memberi peluang kepada manusia untuk menggunakan akal demi mencari kebenaran dan diberikan ruang untuk bebas berfikir dalam memupuk akidah.<sup>56</sup> Jika paksaan berlaku sudah tentu akan menimbulkan konflik sebagaimana perbuatan yang mencaci sembahana antara pemeluk agama. Bagi HAMKA, antara cara yang boleh mengelak daripada meleraikan pergaduhan sesama agama akibat caci maki dan hinaan adalah melalui dua perkara iaitu berpegang teguh pada agama masing-masing dan berilmu. Hal ini berdasarkan kepada pernyataannya: “Apabila orang Islam memegang teguh agamanya, tidak mungkin terjadi pertengkaran yang mengakibatkan maki-memaki. Begitu juga dengan orang Kristian yang

<sup>52</sup> Ibid.

<sup>53</sup> Ibid, 6: 374.

<sup>54</sup> Luc Reyhler (1997), *Religion and Conflict Introduction: Towards a Religion of World Politics in The International Journal of Peace Studies*. January 1997 ISSN 1085-7494, 2(1).

<sup>55</sup> Aunur Rofiq (2011), *Tafsir Resolusi Konflik*.

<sup>56</sup> Ibid.

memegang agamanya, nescaya mereka tidak akan menggunakan perkataan yang dapat menyakitkan hati, kebohongan dan melakukan propaganda agama sebab salah satu isi yang mereka pegang ialah “Kasihanilah musuhmu.”<sup>57</sup> Namun kerana terhakinya praktikal keagaamaan dalam diri setiap pemeluknya menjadi sebab rumah-rumah ibadah itu menjadi hancur iaitu pemeluk agama masing-masing telah meninggalkan rumah ibadah mereka dan tidak mengisi dengan aktiviti keagamaan.<sup>58</sup>

Manakala ulasan M. Quraish Shihab menyatakan bahawa larangan paksaan untuk memeluk satu keyakinan terutamanya Islam merupakan kehendak Allah SWT. Tujuannya agar semua merasakan kedamaian, sesuai dengan nama agamaNya iaitu Islam yang bermakna damai. Kedamaian tidak dapat dicapai seandainya jiwa tidak damai. Paksaan menyebabkan jiwa tidak damai kerana itu tidak ada paksaan dalam menganut keyakinan agama Islam.<sup>59</sup> Apatahlagi mencela sembahannya sesama agama dan meruntuhkan rumah ibadah. Beliau menyatakan bahawa ketiga-tiga ayat di atas bertujuan untuk memelihara kesucian agama-agama, menciptakan rasa aman, menjaga hubungan harmoni antara umat beragama dan menghalang timbulnya permusuhan sebagaimana yang terkandung dalam kata *adwan* (permusuhan), kerana manusia sangat mudah terpancing emosinya bila agama dan kepercayaannya disentuh, walau apa pun kedudukan sosial atau tingkat pengetahuannya. Kerana agama bersemi di dalam hati penganutnya, sedang hati adalah sumber emosi.<sup>60</sup>

Ketiga-tiga nilai di atas merupakan bahagian dari nilai-nilai yang terdapat di dalam ayat-ayat *multicultural* sebagai solusi untuk mengurangkan konflik, kekerasan, pertelingkahan dan permusuhan yang melahirkan krisis kemanusiaan. Daripada ulasan kedua-dua tokoh HAMKA dan M. Quraish Shihab didapati perbincangan terhadap ketiga-tiga nilai tersebut adalah berbeza akan tetapi tidak menafikan wujudnya persamaannya. HAMKA menekankan dari aspek kesatuan agama, manakala ulasan M. Quraish lebih cenderung dalam konteks keharmonian hubungan antara umat beragama dengan membawa

<sup>57</sup> Ibid.

<sup>58</sup> Muḥammad Jamāl al-Dīn bin Muḥammad Sa’id bin Qāsim al-Hallāf al-Qāsimī (1998), *Mahāsin al-Ta’wil*, Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah, 7: 249.

<sup>59</sup> M. Quraish Shihab (2007), *Tafsir Al-Misbah*. 1: 551

<sup>60</sup> Ibid., 4: 244.

kesederhanaan dalam beragama yang disebut oleh beliau dengan *moderasi beragama*.

## 6.0 PENDEKATAN KESATUAN AGAMA DAN MODERASI BERAGAMA

### Satu: Pendekatan Kesatuan agama

Kesatuan agama merupakan gagasan HAMKA dalam menguruskan masyarakat *multicultural* dan menjadi panduan penting dalam menyatupadukan manusia. Kesatuan agama yang dimaksudkan oleh HAMKA bukanlah bertujuan untuk menyatukan semua agama dan bukan mewujudkan agama baru. Kesatuan agama menurutnya ialah mengembalikan semua agama kepada agama asal yang dibawa oleh semua rasul iaitu ketundukan kepada Allah SWT, hati yang bersih dan bebas daripada syirik serta mentauhidkan Allah SWT.<sup>61</sup>

Pemahaman ini merupakan pelaksanaan dan penunjuk kepada gaya pemikiran inklusif beliau dan ini dapat dilihat daripada tafsiran beliau terhadap ketiga-tiga nilai di atas terutamanya pada lafadz *ummatur wahidah* dan juga ketika membincangkan ayat 62 surah al-Baqarah dan al-Ma'idah ayat 69, *kalimatun sawa'* dan ketika membicarakan pengertian Islam yang sebenar seperti yang disebut dalam surah Ali 'Imran ayat 19 dan 85.

#### 1. Islam Yang Satu

Agama Islam yang sebenar berdasarkan surah Ali 'Imran ayat 19 dan 85 menurut pemahamannya merangkumi semua agama yang dibawa oleh semua rasul iaitu penyerahan diri kepada Allah dan membebaskan hati daripada sebarang kesyirikan. Dalam hal ini beliau telah mengikuti pandangan M. Abduh, Rasyid Reda dan al-Imam al-Maraghi.<sup>62</sup> Ketiga-tiganya menyatakan bahawa Islam yang dimaksudkan dengan ayat 19 dan 85 surah Ali 'Imran bukanlah Islam yang hanya dibawa oleh Nabi Muhammad SAW akan tetapi merangkumi semua agama yang dibawa oleh semua rasul kerana semua rasul telah bersepakat bahawa penyerahan diri dan membebaskan hati dari kesyirikan merupakan roh bagi semua agama, walaupun berbeza taklif dan mereka semua akan mewasiatkan dengannya.<sup>63</sup>

---

<sup>61</sup> HAMKA (1987), *Tafsir Al-Azhar*, 3: 733.

<sup>62</sup> Ahmad bin Mustafa al-Maraghi (1946), *Tafsir Al-Maraghi*, Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 3: 119.

<sup>63</sup> Muhammad Rasyid Ridā (t.t), *Tafsīr Al-Manār*, Beirut: Dār al-Fikr, 3: 212.

Kefahaman seperti ini kata HAMKA telah membuat pujangga Jerman Goethe berkata: “Kalau ini adalah Islam, mengapa aku tidak dimasukkan ke dalam golongannya?”<sup>64</sup> Shāh Wali Allāh al-Dahlawī dalam kitabnya “al-Hujjah al-Bālighah” pada bab: *Asl al-Din wahid wa al-Syara’i wa al-Manhaj Mukhtalifah* menjelaskan bahawa asal agama adalah satu dan hal tersebut telah disepakati oleh semua nabi, manakala yang berbeza adalah syariat dan manhaj.<sup>65</sup>

Penerangan HAMKA di atas menggambarkan bahawa Islam yang sebenar adalah sebagai penyatu umat manusia dalam penyerahan diri kepada Tuhan yang hakikat ajarannya tidak akan mengenal perbezaan kulit, keturunan dan tidak mengenal “benar atau salah”, serta dia adalah golonganku. Penjelasan beliau ini merupakan anjuran kepada kesetaraan dan kesamaan martabat manusia yang merupakan roh bagi wacana dan konsep *multicultural* iaitu menerima sebagai kesatuan, tanpa mempedulikan budaya, etnik, gender, bahasa maupun agama.<sup>66</sup>

## 2. Kesatuan Syarat Yang Mutlak.

Kesatuan agama yang digagaskan oleh HAMKA terlihat dari penjelasannya tentang kesatuan dan kesamaan syarat mutlak antara Islam, Yahudi, Kristian dan *al-sabi’iin* untuk mendapat ganjaran yang baik dan keselamatan daripada Allah SWT, sebagaimana yang disebutkan di dalam surah al-Baqarah ayat 62 dan al-Ma’idah ayat 69. Tiga syarat itu ialah beriman kepada Allah, hari akhirat dan amal soleh. HAMKA berkata:

“Dalam ayat ini, keempat-empat golongan ini dihimpunkan menjadi satu bahawa mereka semua tidak berasa takut dan dukacita selama mana mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat serta diikuti dengan amal soleh. Empat golongan itu akan mendapat pahala dari sisi Tuhan mereka. Ayat ini juga merupakan tuntutan untuk menegakkan jiwa bagi semua orang yang beriman kepada Allah sama ada orang yang beriman atau orang Islam yang beragama Islam yang telah

<sup>64</sup> HAMKA (1987), 3: 827.

<sup>65</sup> Shāh Wali Allāh al-Dahlawī (2005), ‘Hujjah Allāh Al-Bālighah’, Beirut: Dār al-Jayl, p. 159.

<sup>66</sup> Zubairi (2022), *Modernisasi Pendidikan Agama Islam*, Jawa Barat: CV. Adanu Abimata, p. 47.

mengakui kerasulan Muhammad SAW, atau Yahudi, Kristian dan Sabi'in, di sini kita bertemu dengan syarat mutlak."<sup>67</sup>

Pernyataan "dihimpunkan menjadi satu" dan "bertemu dengan syarat mutlak" menunjukkan tentang kesatuan dan kesamaan ganjaran pahala yang akan diperoleh untuk semua agama, sama ada dia seorang Mukmin, Yahudi, Nasrani mahupun *al-Sabi'in* seandainya memenuhi tiga syarat iaitu beriman kepada Allah, hari akhirat dan beramal soleh. Kefahaman ini sama dengan kefahaman dari sebuah buku *Al-Islam wa al-Ta'addudiyyah: al-Ikhtilaf wa at-Tanawwu 'fi Itar al-Wihdah*. Buku ini ditulis oleh seorang ulama Mesir iaitu Muhammad 'Imārah. Melalui bukunya tersebut terutamanya dalam bab agama (dīn), beliau berpendapat bahawa agama mengikut perspektif al-Quran adalah satu iaitu "*al-Islam*" dalam pengertian agama atas dasar *Tawhidullah* (Allah yang Satu) mengabdi dan menyembah hanya kepada Dia, walaupun syariat dan manhaj (kaedah) mengandungi pluraliti. Selagi manusia menjunjung agama sebegini dan masih bersatu oleh aqidah yang berterusan dari satu agama iaitu meng-Esa-kan Tuhan Allah SWT, mengikhlaskan ibadah hanya kepada-Nya, beriman kepada hari akhirat dan beramal soleh, maka keselamatan akan diperoleh.<sup>68</sup>

Hakikatnya, pemikiran HAMKA dalam hal ini merupakan sikap pertamanya yang inklusif dalam memahami kedua-dua ayat tersebut. Manakala sikap keduanya memiliki pemikiran yang eksklusif, berdasarkan hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah bersabda: "Umat ini akan masuk ke dalam neraka sama ada dari kalangan Yahudi dan Nasrani jika sekiranya tidak beriman kepadaku."<sup>69</sup> Begitu juga yang difahami oleh Muhammad 'Imarah bahawa yang dimaksudkan oleh ayat 69 surah al-Ma'idah itu adalah mereka yang beriman bahawa ajaran yang didatangkan di dalam al-Quran sebagai pemberar kepada ajaran yang dibawa oleh Musa dan Isa AS di dalam kitab Taurah dan Injil.<sup>70</sup>

Namun apabila timbul perselisihan di antara agama maka hal tersebut tidak perlu diperbesarkan kerana hakikat asas agama itu hanya satu. Masing-masing beramal menurut keyakinannya dan keadilan tetap akan dilakukan.

<sup>67</sup> Ibid.

<sup>68</sup> Muhammad 'Imarah (2008), p. 55-57.

<sup>69</sup> HAMKA (1987), *Tafsir al-Azhar*, 1: 209.

<sup>70</sup> Muhammad 'Imarah, p. 58.

Manakala perbezaan faham nanti di hadapan Tuhan kita minta penyelesaiannya. Sebab kita semua akan kembali kepadaNya dan berkumpul di hadapanNya.<sup>71</sup>

### 3. Kesatuan Agama Dalam Konteks Sosiologi.

Pemikiran “Kesatuan Agama” yang digagaskan oleh beliau bukan hanya dilihat dalam konteks teologi tetapi juga dari aspek sosiologi yang mengedepankan nilai-nilai humanis (kemanusiaan). Justeru, agama Islam yang sebenar mengikut beliau adalah kuat dan kukuh hubungannya secara vertikal mahupun horizontal. Penjelasan beliau ini dapat diketahui dari pepatah beliau: “Teguh hubungan ke langit, kepada Allah. Teguh hubungan di bumi, sesama insan.”<sup>72</sup> Bait kedua pada pepatah di atas menunjukkan keperihatinan HAMKA dalam mengedepankan nilai-nilai kemanusiaan yang bertujuan untuk membina perpaduan ummah, hidup damai dan menjauhkan konflik.

Di antara contohnya adalah menyatukan nilai kebersamaan. HAMKA mengatakan: “Bila kita memberikan makanan yang sedap kepada jiran Islam maka begitu juga kita memberikannya kepada orang bukan Islam”.<sup>73</sup> Ungkapan beliau ini membina sikap yang tidak boleh membezakan walaupun dari aspek makanan, apatahlagi dari aspek yang lainnya. Sederhananya kita berbuat baik kepada sesama Muslim, maka begitu juga kepada orang bukan Islam.

Sikap tersebut tetap berlaku untuk selamanya berdasarkan firman Allah SWT:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوكُمْ فِي الْتَّبِعَةِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ  
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana ugama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihai orang-orang yang berlaku adil. (al-Mumtahanah: 8)

<sup>71</sup> Ibid. 25: 6505

<sup>72</sup> HAMKA (2020), *Pandangan Hidup Muslim*, Jakarta: Gema Insani, p. 147.

<sup>73</sup> HAMKA (1987), *Tafsir al-Azhar*, 28: 7304.

HAMKA mengatakan bahawa ayat di atas tergolong daripada ayat *muhkamat*,<sup>74</sup> dan tidak ada pemansuhan. Justeru kata HAMKA, kita diwajibkan menunjukkan budi Islam yang tinggi.<sup>75</sup> Pernyataan HAMKA di atas menunjukkan nilai kesetaraan (*equality*) dan kesamaan (*al-musawa'*) yang merupakan intipati bagi wacana *multicultural*. Justeru HAMKA mengatakan bahawa dalam memupuk kebersamaan masalah perselisihan di antara penganut agama tidak perlu dibesar-besarkan dan berusaha untuk menutup ruang pertengkaran.<sup>76</sup> Pernyataan HAMKA ini kerana keinginannya untuk menjaga kesatuan dan persatuan sehingga lafaz *kalimatun sawa'* di dalam surah Ali 'Imran ayat 64 digunakan oleh beliau untuk menyatukan multi agama di Indonesia dalam memerangi penjajahan walaupun jumhur ulama bersepakat mentafsirkannya dalam konteks akidah iaitu mengesakan Allah SWT. Di dalam buku *Islam Revolusi dan Ideologi*, beliau telah menggunakan lafaz *kalimatun sawa'* untuk mengajak masyarakat yang berlainan agama seperti Brahma Budha dan Tao, Yahudi, Kristian dan Islam untuk membina hidup rukun damai.<sup>77</sup>

## Dua: Pendekatan *Moderasi Beragama*

Berdasarkan penjelasan M. Quraish Shihab kepada tiga nilai di atas, beliau telah membina pendekatan *moderasi beragama* yang menekankan bagaimana hubungan sosial dapat dikukuhkan demi keharmonian dan perdamaian. Beliau telah mengembangkan pendekatan *moderasi beragama* melalui *ummatan wasata*. Bagi M. Quraish Shihab, *moderasi beragama* menurut beliau keseimbangan dalam persoalan kehidupan dunia dan ukhrawi yang sentiasa diiringi sikap penyesuaian diri dengan situasi yang dihadapi berdasarkan petunjuk agama dan kondisi objektif yang sedang dialami.<sup>78</sup> Alasan

<sup>74</sup> Mannā' al-Qattān mengatakan bahawa al-muhkam adalah lafaz yang diketahui maknanya yang jelas, memiliki satu makna, yang dapat difahami dengan sendirinya yang tidak memerlukan kepada penerangan, seperti: nasikh, halal dan haram, hudud, kewajipan-kewajipannya, janji dan ancaman. Sebaliknya dengan al-mutasyabih, contohnya mansukh, bagaimanakah sifat dan nama-nama Allah SWT Mannā' al-Qattān (2000), *Mabāhit Fī 'Ulūm Al-Qur'ān*, 3rd ed., Beirut: Maktabah al-Mā'rif li al-Nasyr wa al-Tawzī', p. 221.

<sup>75</sup> HAMKA (2987), *Tafsir Al-Azhar*, 28: 7304.

<sup>76</sup> Ibid. 25: 6505

<sup>77</sup> HAMKA (2018), *Islam Revolusi Dan Ideologi*, 1st ed. (Jakarta: GEMA INSANI, 2018), 6.

<sup>78</sup> Ibid, 43.

mengetengahkan pendekatan ini kerana menurutnya ramai yang tidak mengetahui maksud, bagaimana dan bila ianya diterapkan.<sup>79</sup>

Keseimbangan ini kata beliau bukan bermakna sentiasa berada di tengah dan bukan pula menghindar dari situasi sukar atau lari dari tanggungjawab tetapi keseimbangan yang disertai dengan prinsip tidak berlebihan dan tidak berkurangan. Islam mengajarkan untuk berpihak kepada yang haq secara aktif dan dengan penuh kebijaksanaan. Berpihak kepada yang haq dalam apa jua keadaan yang selalu silih berganti pada setiap waktu dan tempat.<sup>80</sup> Kesimpulannya moderasi bukan satu formula yang telah tersedia rinciannya, melainkan upaya terus menerus untuk menemukan dan menerapkannya.<sup>81</sup>

Pada pandangan beliau, kesilapan dalam pemikiran dan amalan agama berkisar kepada tiga aspek iaitu yang berkaitan dengan agama, ilmu (pemikiran) agama dan amalan agama. Terdapat orang yang menganut agama tetapi tidak ada ilmu agama dan terdapat juga orang Islam yang memiliki ilmu agama tetapi menyimpang dalam amalan agamanya dan terdapat orang Islam yang cara beragama dan amalan agamanya benar namun pemikiran agamanya yang salah.<sup>82</sup>

Jenis pertama seperti orang Islam yang hanya mempraktiskan agama dengan mengikuti guru secara taklid buta sebagaimana tradisi kependetaan beragama dalam kalangan ahli kitab. Jenis kedua, beragama dan ada ilmu agama tetapi salah dalam praktikal dan sikapnya, seperti kaum khawarij yang telah membunuh khalifah Ali bin Abi Talib, padahal yang membunuh adalah seorang penghafal al-Quran. Manakala jenis ketiga adalah pemikirannya yang salah sedangkan baik cara beragama dan amalan agamanya seperti kumpulan yang suka mengkafirkhan umat Islam yang lain.

Berdasarkan definisi moderasi beragama yang dikemukakan oleh M. Quraish Shihab, terdapat tiga ciri utama yang ingin diketengahkan iaitu: keseimbangan, disesuaikan dengan keadaan dan keadaan serta berada di tengah-tengah.

## 1. Keseimbangan

---

<sup>79</sup> M. Quraish Shihab (2019), *Wasathiyyah: Wawasan Islam Tentang Moderasi Beragama*, xii.

<sup>80</sup> Ibid.

<sup>81</sup> Ibid.

<sup>82</sup> M. Quraish Shihab, Moderasi beragama, [https://www.youtube.com/watch?v=jri\\_8ZZjgQk](https://www.youtube.com/watch?v=jri_8ZZjgQk), diakses pada 23 Jun 2023.

Keseimbangan yang menjadi ciri khusus moderasi beragama adalah membina sikap bersederhana dan sekaligus menolak dua sikap yang dicela iaitu ekstrem dan memudah-mudahkan. Sikap bersederhana beliau terlihat jelas melalui pendekatan membiarkan dan kebebasan untuk memilih dalam menyelesaikan beberapa isu seperti isu sesajen<sup>83</sup> yang ditindang oleh seseorang kerana telah melakukan perbuatan khurafat yang bertentangan dengan Islam. Sikap seperti ini tidak bertepatan dengan definisi moderasi beragama yang dikemukakan oleh beliau kerana perbuatan tersebut telah berlebihan.

Menurut beliau setiap masyarakat memiliki budaya tersendiri yang perlu dihormati, membiarkannya dan tidak boleh menganggurnya kerana keragaman budaya merupakan *sunatullah*. Walaupun budaya tersebut sesat mengikut pandangan Islam, tapi bagi mereka adalah benar dan tidak boleh diganggu. Tindakan mengganggu lebih dari mencerca yang dikecam dalam ayat 40 surah al-Hajj, lebih-lebih lagi akan menimbulkan permusuhan dan tindak balas yang tidak diinginkan.

Bersederhana juga mesti direalisasikan dalam menyikapi perbezaan. Ayat ‘**jikalau Allah berkehendak**’ menurut M. Quraish Shihab membawa maksud bahawa Allah menghendaki manusia berbeza, sepetimana juga terdapat dalam istilah *ummatur wahidah*. Dalam perspektif M. Quraish Shihab, perbezaan menjelaskan sikap manusia yang bebas untuk memilih sama ada dalam agama atau selainnya dan ianya menjadi pilihan kata beliau dalam hampir setiap perbincangan tentang *multicultural* di dalam al-Quran. Begitu juga dengan paksaan yang menjadi salah satu faktor timbulnya tindakan ekstremisme dan radikalisme yang menyebabkan kedamaian tidak akan tercapai.

M. Quraish Shihab mengatakan bahawa tindakan memaksa dalam menganut agama telah menyebabkan jiwa tidak damai. (al-Baqarah (2): 256). Jikalau jiwa tidak damai maka kedamaian tidak akan tercapai dan ia bukan tuntutan Islam kerana makna Islam adalah kedamaian.<sup>84</sup> M. Quraish Shihab berpendapat lagi, perbezaan menuntut untuk berlumba dalam kebaikan dan bukan untuk diperdebatkan kerana akan menghabiskan tenaga kerana semuanya kembali kepada Allah SWT.<sup>85</sup>

Perbezaan adalah untuk saling mengenal dan ia merupakan tujuan perantara, sedangkan tujuan akhirnya adalah saling membantu yang di dalamnya

<sup>83</sup> Jamuan yang disajikan untuk orang halus.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sesajen>, diakses pada 13 Disember 2023.

<sup>84</sup> M. Quraish Shihab (2007), *Tafsir Al-Misbah*. 1: 551

<sup>85</sup> Ibid, 3: 137.

terdapat tuntutan pengakuan terhadap keberadaan dan penghormatan secara timbal balik. Penghormatan ini kata beliau tidak bermakna menerima pendapat, agama atau keyakinan pihak lain, melainkan menerima keberadaan mereka untuk dapat hidup berdampingan dalam suasana aman dan damai.<sup>86</sup>

Dalam konteks amalan atau syariah, kesederhanaan sangat dituntut. Kesederhanaan yang menjurus maknanya kepada kemudahan merupakan tujuan utama syariah. Firman Allah SWT yang bermaksud: Allah menghendaki kemudahan untuk kamu, tidak menghendaki kesulitan bagi kamu”<sup>87</sup>, “Bertakwalah semampu kamu.”<sup>88</sup> “Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun kurang dari dua pertiga malam, satu perdua malam dan satu pertiga malam,”<sup>89</sup> merupakan antara ajaran yang menggalakkan untuk bersederhana dalam menjalankan syariat. Mengikut kemampuan dan tidak melampau kerana badan memiliki hak untuk ditunaikan. Justeru kata M. Quraish Shihab, jangan sampai ibadah yang dilakukan mengakibatkan kesihatan terganggu.<sup>90</sup>

## 2. Penyesuaian dengan Situasi dan Kondisi.

Ciri moderasi ini hakikatnya sama dengan salah satu makna keadilan yang menempatkan sesuatu pada tempatnya. Akan tetapi M. Quraish Shihab lebih memilih idea tersebut. Pemilihan tersebut agar lebih mesra dan beradaptasi dengan isu modern dan globalisasi. Perbincangan terhadap beberapa isu yang tidak sesuai dengan keperluan dan tuntutan modern serta globalisasi telah mendapat kritikan daripada beliau. Contohnya kritikan M. Quraish Shihab terhadap beberapa pentafsiran yang dikemukakan oleh ulama mufasirin kerana tidak sesuai lagi untuk diketengahkan dan tidak mengikut arus globalisasi yang inginkan dunia dan masyarakat yang cinta damai, antaranya:

Pertama: Kritikan kepada pentafsiran al-Imam al-Marāghī terhadap lafaz *akhīhi* dalam surah al-Hujurat (49): 12 yang hanya ditujukan kepada orang beriman. Menurut M. Quraish Shihab perkataan *akh* pada ayat tersebut mengandungi makna orang bukan Islam kerana Islam sendiri mengajak semua lapisan masyarakat untuk bekerjasama untuk mencipta kesejahteraan. Begitu juga perbuatan *ghibah* tidak direstui oleh semua agama kerana perbuatan *ghibah* dapat melumpuhkan kehidupan masyarakat dan melahirkan sikap tidak adil

<sup>86</sup> Ibid, *Wasathiyyah: Wawasan Islam Tentang Moderasi Beragama*, p. 78.

<sup>87</sup> Al-Baqarah (2): 185.

<sup>88</sup> Ali ‘Imran (3): 120.

<sup>89</sup> Al-Muzzammil (73): 20.

<sup>90</sup> Ibid, 55-56.

yang bercanggah dengan ajaran agama yang memerintahkan untuk menegakkan keadilan.<sup>91</sup>

Kedua: Kritikan M. Quraish Shihab terhadap tafsir Departmen Agama yang menyatakan bahawa orang Yahudi dan Nasrani tidak senang sehingga orang Islam memeluk agama mereka sebagai pentafsiran surah al-Baqarah (2): 120).<sup>92</sup> Beliau tidak bersetuju dengan pentafsiran Departmen Agama tersebut kerana menurutnya tafsiran ini tidak pernah ditemukan dalam buku tafsir sepanjang bacaannya dan kurang tepat serta boleh menjadi faktor rosaknya kerukunan umat beragama.<sup>93</sup> Pentafsiran yang betul menurut beliau adalah bahawa ayat tersebut menunjukkan tentang kemungkinan Ahli Kitab memeluk agama Islam. Hal ini dibuktikan dengan redaksi yang mengisyaratkan kepastian yang berterusan melalui huruf “*lan*.” Huruf ini mengandungi makna sepanjang masa. Justeru penjelasan ayat tersebut adalah bahawa ada sahaja dari Bani Israil yang memeluk Islam daripada kalangan Yahudi dan Nasrani walaupun bukan semua Ahli Kitab.<sup>94</sup>

### 3. Pertengahan

Ciri khas pertengahan bagi M. Quraish Shihab adalah mengaplikasakan keseimbangan dalam kehidupan yang dimuat dalam *wasatiyyah* yang menjadi ciri ajaran Islam. Kesimbangan antara ruh dan jasad, dunia dan akhirat, idea dan realiti, lama yang baru, akal dan naqal, agama dan ilmu, moden dan tradisi.<sup>95</sup>

M. Yunan Yusuf mengatakan bahawa M. Quraish Shihab dalam tafsirnya al-Misbah sentiasa mengajak kita untuk sentiasa berada dalam posisi dialog untuk mencari persamaan dan jika tidak ada maka saling menghormati. Dengan cara ini, M. Quraish Shihab sentiasa meletakkan dirinya di kedudukan tengah. Dalam tafsirnya al-Misbah, orang yang berada di kedudukan pertengahan akan dilihat oleh semua pihak. Jika kedudukan seseorang itu di tempat yang boleh dilihat dari segenap penjuru, maka hendaklah dia menjadi

<sup>91</sup> M. Quraish Shihab (2017), *Tafsir Al-Misbah*, 13: 257-258.

<sup>92</sup>

<https://archive.org/details/alqurandanterjemahnya/page/n175/mode/2up?view=theater>, diakses pada 13 Disember 2023.

<sup>93</sup> M. Quraish Shihab (2006), Menabur Pesan Alah: Al-Quran Dan Dinamika Kehidupan Masyarakat, p. 308.

<sup>94</sup> Inid, p. 323.

<sup>95</sup> M. Quraish Shihab (2019), *Wasathiyyah: Wawasan Islam Tentang Moderasi Beragama*, p. 43.

suri teladan yang dapat menyelesaikan masalah dan tidak membawa manusia kepada perselisihan.<sup>96</sup>

Sikap ini berada di tengah di antara dua fenomena pemikiran Islam, iaitu pemikiran masa lalu yang mesti dipertahankan secara utuh dan menolak menerima yang baru. Kedua, pemikiran yang mengetengahkan berbagai pendapat baharu secara total dan liberal.<sup>97</sup> Prinsip ini juga disebutkan oleh M. Quraish Shihab dengan perkataan “*Muhafazah ‘ala al-qadim al-salih wa al-akhz bi al-jadid al-aslah*” iaitu berpegang kepada yang lama yang baik, dan kepada yang lebih baru yang lebih baik”.<sup>98</sup>

Dalam konteks kehidupan masyarakat *multicultural* sentiasa memperhatikan keperluan mereka sebagai makhluk sosial dengan tidak mengabaikan keperluan individu dan kedua-duanya tidak perlu untuk dipertentangkan. Keperluan individu tidak mengorbankan kepentingan peribadi dan sebaliknya.<sup>99</sup> Begitu dalam konteks hubungan sosial, M. Quraish Shihab telah meletakkan semua manusia itu dalam kesetaraan, kesamaan dan tanpa melihat orang lain sebagai orang asing tetapi saudara seiman sesama Islam dan saudara satu kemanusiaan bila berlainan akidah. Hal ini dapat dilihat dari pernyataannya:

“Islam tentang hubungan antara manusia tanpa perbezaan jenis, suku, atau agama dan semuanya berasal satu keturunan, tidak ada perbezaan dari aspek kemanusiaan. Oleh itu tidak wajar ada istilah “pihak lain” kerana semua sama dari sisi pandangan kemanusiaan. Yang ada adalah “kita” bukan “kami”<sup>100</sup>

Pernyataan di atas merupakan ciri khas gagasan “moderasi beragama” yang dicetuskan oleh beliau dari hubungan manusia sama ada sesama Muslim mahupun nonmuslim. Meletakkan dirinya dan pemikirannya berada di tengah sebagai bentuk usahanya yang sentiasa membina keharmonian. Hal ini terlihat jelas melalui beberapa pernyataannya di bawah ini:

Pertama: Hidup rukun damai antara pemeluk agama adalah sesuatu yang mutlak dan merupakan tuntutan agama, tetapi cara untuk mencapai hal itu

<sup>96</sup> Prof Dr. M. Yunan Yusuf, dalam temu bual dengan pengkaji 14 Jun 2022.

<sup>97</sup> M. Quraish Shihab, p. 91-92.

<sup>98</sup> Ibid.

<sup>99</sup> Ibid, 63.

<sup>100</sup> M. Quraish Shihab (2019), *Wasathiyyah: Wawasan Islam Tentang Moderasi Beragama*, p. 55-56.

bukan dengan mengorbankan ajaran agama. Caranya adalah hidup damai dan menyerahkan pula kepadaNya semata untuk memutuskan di hari kemudian kelak, agama siapa yang direstuiNya dan agama siapa pula yang keliru, kemudian menyerahkan pula kepadaNya penentuan akhir, siapa yang dikurniakan kedamaian dan surga dan siapa pula yang akan takut dan bersedih. (al-Baqarah (2): 62, (al-Ma`idah (5): 69).

Kedua: Perselisihan dalam akidah sangat sukar bahkan mustahil untuk diputuskan di dunia sehingga Allah menangguh putusan-Nya.<sup>101</sup> Oleh itu, tidak perlu untuk membazir masa untuk diperdebatkan. (Yunus (10): 19)

Ketiga: Surah Saba` ayat 24-27 kefahamannya adalah bahawa ayat ini tidak menyatakan kemutlakan kebenaran ajaran Islam dan kemutlakan kesalahan kepercayaan *mitra* bicara (lawan bicara). Di antara kita ada yang benar dan ada yang salah. Mungkin kami yang benar, mungkin anda yang benar. Biarlah keputusan diserahkan kepada Allah di hari akhirat.<sup>102</sup>

Sikap seperti ini beliau kemukakan sebagai pendekatan bagaimana cara seorang Muslim berinteraksi dengan penganut agama lain dengan mengambil sikap dan pemikiran bahawa setiap penganut agama meyakini kebenaran agamanya atau kesalahan kepercayaan yang bertentangan dengannya. Sikap M. Quraish Shihab ini dikemukakan kerana mengutamakan cinta damai, membina keharmonian, mengutamakan toleransi dan mengurangkan konflik yang berterusan.

## 7.0 KESIMPULAN

*Multicultural* merupakan salah satu gagasan yang dapat mengurangkan krisis kemanusiaan disebabkan konflik terutamanya dalam masyarakat *multicultural*. Gagasan ini mengandungi tiga asas utama iaitu: Pertama, kesamaan darjah dan martabat manusia dengan tidak mengira majoriti ataupun minoriti. Kedua, kepastian dan kepelbagaiannya yang wujud dalam sebuah masyarakat daripada budaya, etnik, bahasa dan multi agama. Ketiga, pengakuan terhadap perbezaan budaya oleh semua elemen sosial-budaya, lafazasuk juga negara dan sedia menerima sebagai kesatuan tanpa mempedulikan perbezaan budaya, entik, gender, bahasa maupun agama tersebut. Tiga asas utama ini dikategorikan sebagai nilai-nilai universal dan ianya sesuai dengan nilai-nilai yang terkandung dalam ayat-ayat yang *multicultural* seperti 1. Surah al-Hujurat:

<sup>101</sup> M. Quraish Shihab (2017) , *Tafsir al-Misbah*, 6: 45-46.

<sup>102</sup> Ibid, Wasathiyah: Wawasan Islam Tentang Moderasi Beragama, 81-82.

13 yang menunjukkan heterogenitas kehidupan manusia. 2. Lafaz *ummātun wāhidah* yang menggambarkan perselisihan, kesatuan dan saling memerlukan yang disebutkan sembilan kali di dalam al-Quran, tujuh ayat bercirikan surah *Makkiyyah* seperti: Yunus (10): 19, al-Anbiya` (21): 92, al-Mu`minun (23): 52, Hud (11): 118, al-Nahl (16): 93, al-Syura (42): 8 dan al-Zukhruf (43): 33, manakala dua ayat bercirikan surah *Madaniyyah* seperti al-Baqarah (2): 213 dan al-Mā'idah (5): 48. 3. Kesetaraan penerimaan kewujudan agama dan cara beragama, seperti surah al-Baqarah (2): 256, al-An'am (6): 108 dan Surah al-Hajj (22): 40.

Dalam mengulas ayat-ayat di atas, terdapat perbezaan dan persamaan tetapi perbezaan lebih banyak di mana ulasan HAMKA mengarah kepada pembinaan kesatuan sedangkan M. Quraish Shihab mengarah kepada pembinaan hubungan sosial yang baik. Manakala persamaannya sama-sama tidak meninggalkan untuk menyentuh kedua-dua aspek di atas. Daripada perbezaan kecenderungan tersebut didapat bahawa HAMKA menggunakan pendekatan “Kesatuan Agama” sedangkan M. Quraish Shihab menggunakan pendekatan “Moderasi Beragama” dalam memberikan solusi bagi krisis kemanusiaan. Yang disebabkan oleh konflik.

Kesatuan agama yang dimaksudkan oleh HAMKA mengembalikan semua agama kepada agama asal yang dibawa oleh semua rasul iaitu ketundukan kepada Allah SWT, hati yang bersih dan bebas daripada syirik serta mentauhidkan Allah SWT. Manakala Moderasi beragama yang dimaksudkan oleh M. Quraish Shihab adalah keseimbangan dalam persoalan hidup yang selalu diiringi dengan penyesuaian diri dengan situasi yang dihadapi berdasarkan petunjuk agama dan fenomena yang dialami.

Kesatuan agama diasaskan kepada tiga perkara iaitu Islam yang satu, kesatuan syarat mutlak dalam meraih keselamatan dan kesatuan agama dalam konteks sosiologi. Ketiga-tiga asas ini hasil dari ulasan HAMKA terhadap lafadz *Umatun wāhidah*, ayat 62 surah al-Baqarah, ayat 69 surah al-Mā'idah, lafadz *kalimatun sawa'* dan daripada pengertian Islam dalam surah Ali 'Imran ayat 19 dan 85. Manakala Moderasi Beragama diasaskan kepada tiga perkara iaitu keseimbangan, penyesuaian dengan situasi dan kondisi dan pertengahan. Tiga asas ini dibina melalui ulasan M. Quraish Shihab terhadap ayat 40 surah al-Hajj, 256 surah al-Baqarah, 12 surah al-Hujurat, 120 surah al-Baqarah, 62 surah al-Baqarah, 69 surah al-Mā'idah, 19 surah Yunus dan 24-27 surah Saba'. Perbezaan pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua tokoh HAMKA dan M. Quraish mengandungi persamaan yang paling inti pati yang menjadi kunci terhadap konflik iaitu tidak mempertikaikan keyakinan orang lain, tidak perlu

untuk terus berselisih dan memperdebatkan serta menyerahkan perselisihan tersebut kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

- Abdullah. ‘Pemikiran Dan Perjuangan Dakwah Hamka Dan M. Natsir: Kajian Terhadap Dakwah Kultural Dan Struktural’. Universiti Sains Malaysia, 2011.
- Afrizal Nur. ‘Kajian Analitikal Terhadap Pengaruh Negatif Dalam Tafsir Al-Mishbah’. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BANGI, 2013.
- Ahmad bin Mustafa al-Maraghi. *Tafsir Al-Maraghi*. 1st ed. Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1946.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Wan Nasryrudin Wan Abdullah. ‘Faktor Persekutaran Sosial Dalam Pembentukan Jati Diri HAMKA (1908-1981) Autobiografi Kenang-Kenangan Hidup (1951)’. *AL-HIKMAH* 13, no. 1 (2021).
- al-Dahlawī, Shāh Walī Allāh. ‘Hujjat Allāh Al-Bālighah’. Beirut: Dar al-Jayl, 2005.
- Asep Hilmi. ‘Konsep Hidup Sejahtera Perspektif Al-Qur’ān (Studi Komparatif Penafsiran M. Quraish Shihab Dan Hamka)’. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2018.
- Aunur Rofiq. *Tafsir Resolusi Konflik*. 1st ed. Malang: UIN-MALIKI PRESS (Anggota IKAPI), 2011.
- Barmawi, Mohamad. ‘TAFSIR RESOLUSI KONFLIK ( Analisis Tematik Formulasi Resolusi Konflik Dalam Al-Quran )’. *Cita Ilmu* xiii, no. 26 (2017).
- Bauböck, Rainer. ‘Cherishing Diversity and Promoting Political Community’. *Ethnicities* 1, no. 1 (2001).
- Bikhu Parekh. *Rethinking Multiculturalism Cultural Diversity and Political Theory*. Cambridge Massachusetts: Harvard University Press, 2002.
- C.W. Watson. *Multiculturalism*. New Delhi: Viva Books Private Lmt, 2002.
- Daud, Ilyas. ‘SISTEM SOSIAL AL-QUR’AN’. *Ibn Abbas Jurnal Ilmu Alquran dan Tafsir* 2, no. 2 (2020).
- Engkau AHmad Zaki Engku Alwi. *Hamka Ulama’ Nusantara, Dewan Agama dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Krafttangan Sdn Bhd, 2005.
- HAMKA. *Islam Revolusi dan Ideologi*. 1st ed. Jakarta: GEMA INSANI, 2018.
- \_\_\_\_\_. *Kenang-Kenangan Hidup*. Shah Alam: Pustaka Dini, 2009.
- \_\_\_\_\_. *Pandangan Hidup Muslim*. Jakarta: Gema Insani, 2020.
- \_\_\_\_\_. *Tafsir Al-Azhar*. 1st ed. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1987.
- Ifa Nurhayati & Lina Agustina. ‘Masyarakat Multikultural: Konsepsi, Ciri dan

- Faktor Pembentuknya'. *Akademika* 14, no. 1 (2020).
- 'Kepelbagai Budaya'. Accessed 2 December 2021.  
[https://wblog.wiki/ms/Cultural\\_diversity](https://wblog.wiki/ms/Cultural_diversity).
- Khairiah. 'MULTIKULTURALISME DALAM POLITIK'. *AL-IMARAH: Jurnal Pemerintahan Dan Politik Islam* 5, no. 2 (2020).
- M. Quraish Shihab. *Logika Agama; Kedudukan Wahyu & Batas-Batas Akal Dalam Agama*. 4th ed. Jakarta: Lentera Hati, 2007.
- \_\_\_\_\_. *Menabur Pesan Alah: Al-Quran Dan Dinamika Kehidupan Masyarakat*. 2nd ed. Jakarta: Lentera Hati, 2006.
- \_\_\_\_\_. *Tafsir Al-Misbah*. 7th ed. Tanggerang: Penerbit Lentera Hati, 2007.
- \_\_\_\_\_. *Wasathiyah: Wawasan Islam Tentang Moderasi Beragama*. 1st ed. Jakarta: Penerbit Lentera Hati, 2019.
- Mahfudz Junaedi. 'Multikulturalisme Dalam Perspektif Al-Qur'an: Wacana Dan Tafsir Keindonesiaan'. *International Seminar on Islamic Civilization* 7, no. 2 (2017).
- Manna' al-Qattan. *Mabahith Fi 'Ulum Al-Quran*. 3rd ed. Beirut: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi', 2000.
- Muhammad 'Imarah. *Al-Islam Wa Al-Ta'addudiyyah: Al-Ikhtilaf Wa Al-Tanawwu' Fi Itar Al-Wihdah*. 1st ed. Kaherah: al-Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah, 2008.
- \_\_\_\_\_. *Al-Islam Wa Al-Ta'addudiyyah: Al-Ikhtilaf Wa Al-Tanawwu' Fi Itar Al-Wihdah*. 1st ed. Kaherah: al-Maktabah al-Syuruq al-dwliyyah, 2008.
- Muhammad Jamal al-Din bin Muhammad Sa'id bin Qasim al-Hallaf al-Qasimi. *Mahasin Al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Muhammad Rasyid Ridha. *Tafsir Al-Manar*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Muhammad Yusry Affandi. *HAMKA: Permata Tafsir Bumi Nusantara*. 1st ed. Kuala Lumpur: BS PRINT (M) SDN. BHD, 2019.
- Muhd Najib Abdul Kadir & Mazlan Ibrahim. *Studi Kritis Tafsir Al-Misbah*. 1st ed. Selagor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Musyarif. 'Buya Hamka : Suatu Analisis Sosial Terhadap Kitab Tafsir Al-Azhar'. *AL MA'ARIEF: JURNAL PENDIDIKAN SOSIAL DAN BUDAYA* 1, no. 1 (2019).
- Nye, Malory. 'The Challenges of Multiculturalism'. *Culture and Religion* 8, no. 2 (2007).
- Reda, Muhammad Rasyed. *Tafsir Al-Manar*. 2nd ed. Damsyik: Dar al-Fikr li Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', t.t.
- Rhusdi Hamka. *HAMKA: Keperibadian, Sejarah Dan Perjuangannya*. Edited by Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa da Pustaka, 2008.
- Saladin, Bustami. 'Reaktualisasi Corak Tafsir Adab Al-Ij Tim'i Dalam Menjawab Realitas Sosial Kemasyarakatan Dan Perkembangan Zaman'.

- Jurnal Sosial Politik Kajian Islam Dan Tafsir* 2, no. 2 (2020).
- surya Dewi. ‘Laporan Kajian Krisis Kemanusiaan Global Yang Semakin Berkembang’. *ResearchGate*, no. November (2022).
- Syahrul, Fathullah. ‘Potret Kekuatan Multikulturalisme Dalam Institusi Politik’. *Journal Publicuho* 3 (2020).
- Taylor, Charles. ‘The Politics of Recognition’. *Campus Wars: Multiculturalism And The Politics Of Difference*, no. V (2021).
- Wartini, Atik. ‘Corak Penafsiran M. Quraish Shihab Dalam Tafsir Al-Misbah’. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika* 2, no. 1 (2014).
- Will Kymlicka. *Multicultural Citizenship : A Liberal Theory of Minority Rights*. Oxford: Clarendon Press, 1995.
- Zubairi. *Modernisasi Pendidikan Agama Islam*. 1st ed. Jawa Barat: CV. Adanu Abimata, 2022.